

## **P.U. (A) 437/2010**

### **AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007 PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENYELESAIAN PERTIKAIAN) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) dan perenggan 379(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan tarikh permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 Disember 2010.

#### **Tafsiran**

2. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

“Akta” ertinya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;

“anggota”, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ertinya anggota sebuah pertubuhan perbadanan yang diluluskan sebagaimana yang ditentukan dalam subperaturan 5(2);

“award” ertinya suatu award yang diberi oleh suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan;

“kaedah-kaedah” ertinya memorandum persatuan, artikel persatuan dan terma rujukan suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan, atau garis panduan atau arahan, dengan apa jua nama disebut dan di mana-mana jua terkandung, yang

mengawal pengendalian suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan, keanggotaannya atau perlakuan anggota-anggotanya;

“klien” ertinya seseorang individu atau pemilik tunggal yang layak untuk merujuk suatu pertikaian kepada pertubuhan perbadanan yang diluluskan;

“pegawai” ertinya mana-mana pengarah, setiausaha atau pekerja pertubuhan perbadanan yang diluluskan;

“pertikaian” ertinya suatu pertikaian yang layak sebagaimana yang ditakrifkan dalam terma rujukan suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan;

“pertubuhan perbadanan yang diluluskan” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan oleh Suruhanjaya menurut Peraturan-Peraturan ini;

“rujukan” ertinya apa-apa rujukan yang melibatkan suatu pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan untuk penyelesaian;

“terma rujukan” ertinya suatu set terma yang mentakrifkan skop, pemakaian, pengendalian dan tatacara mekanisme penyelesaian pertikaian sesuatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan;

“tuntutan” ertinya apa-apa tuntutan wang berbangkit daripada suatu pertikaian yang dirujuk kepada suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan.

### **Pertubuhan perbadanan yang diluluskan**

3. (1) Suruhanjaya boleh meluluskan mana-mana pertubuhan perbadanan sebagai pertubuhan perbadanan yang diluluskan bagi penyelesaian pertikaian atau tuntutan antara seorang klien dan seorang anggota.

(2) Suruhanjaya tidak boleh memberikan kelulusan di bawah subperaturan (1) melainkan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa pertubuhan perbadanan itu—

- (a) akan berkeupayaan untuk bertindak sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian dengan menerima rujukan berhubung dengan pertikaian atau tuntutan dan menyelesaikan pertikaian atau tuntutan tersebut dengan cara yang terbuka, efisien dan berkesan, berdasarkan prinsip adil dan kemunasabahan;
- (b) mempunyai sumber kewangan, tenaga kerja dan sumber lain yang mencukupi untuk menjalankan fungsi dan kewajipannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan ini;
- (c) telah siap mengadakan kaedah-kaedah dan tatacara yang membolehkannya melaksanakan fungsi dan kewajipannya sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian; dan
- (d) berkeupayaan untuk mengambil tindakan yang sesuai terhadap anggotanya bagi apa-apa pelanggaran kaedah-kaedah dan tatacaranya.

#### **Permohonan untuk pemberian kelulusan**

4. (1) Suatu permohonan bagi pemberian kelulusan sebagai suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki suatu pertubuhan perbadanan untuk memberikan maklumat atau dokumen sebagaimana yang Suruhanjaya dapati perlu bagi maksud permohonan itu.

(3) Permohonan bagi pemberian kelulusan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan yang hendaklah dibayar mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh, dalam meluluskan pertubuhan perbadanan itu, mengenakan apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang Suruhanjaya fikirkan patut.

(5) Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan bagi pemberian kelulusan suatu pertubuhan perbadanan tanpa memberi apa-apa alasan bagi penolakan itu.

### **Anggota pertubuhan perbadanan yang diluluskan**

5. (1) Pertubuhan perbadanan yang diluluskan bagi penyelesaian pertikaian atau tuntutan antara seseorang klien dan seseorang anggota adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1.

(2) Tertakluk kepada subperaturan 13(3), setiap pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dinyatakan dalam Jadual 2 hendaklah disifatkan sebagai anggota pertubuhan perbadanan yang diluluskan pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

### **Terma rujukan pertubuhan perbadanan yang diluluskan**

6. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah menyediakan satu set terma rujukan yang diluluskan oleh Suruhanjaya, berkaitan dengan atau selainnya yang mengawal pentadbiran yang sepatutnya pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian.

(2) Tiada pindaan kepada terma rujukan boleh dibuat tanpa kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

(3) Pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah menyiarkan terma rujukan dan apa-apa pindaan mengenainya di laman Internet yang tersedia kepada awam.

(4) Terma rujukan itu hendaklah termasuk yang berikut:

(a) skop dan kategori klien yang layak untuk merujuk suatu pertikaian atau tuntutan kepada pertubuhan perbadanan yang diluluskan;

- (b) tatacara keanggotaan dan hal keadaan yang mana seseorang anggota boleh dipecat atau digantung;
- (c) jenis pertikaian atau tuntutan yang layak untuk dirujuk kepada pertubuhan perbadanan yang diluluskan;
- (d) tatacara, bentuk dan cara dan tempoh masa sesuatu pertikaian atau tuntutan itu boleh dirujuk kepada pertubuhan perbadanan yang diluluskan;
- (e) fi langganan, levi dan fi lain atau bayaran yang kena dibayar oleh anggotanya, atau oleh mana-mana kelas anggotanya dan levi yang berlainan boleh terpakai kepada anggota yang berlainan kelas;
- (f) fi yang kena dibayar oleh klien kepada pertubuhan perbadanan yang diluluskan;
- (g) hal keadaan di mana sesuatu pertikaian atau tuntutan boleh diketepikan atau ditolak oleh pertubuhan perbadanan yang diluluskan tanpa merujuk pertikaian atau tuntutan itu bagi pengantaraan atau penghukuman;
- (h) hal keadaan di mana sesuatu pertikaian atau tuntutan akan dibuat pengantaraan atau penghukuman;
- (i) jenis award yang boleh dibuat berkenaan dengan suatu pertikaian atau tuntutan; dan
- (j) cara keputusan penghukuman suatu pertikaian atau tuntutan boleh diberitahu kepada klien dan anggota yang relevan.

### **Penarikan balik kelulusan**

7. (1) Suruhanjaya boleh, selepas memberikan pertubuhan perbadanan yang diluluskan peluang untuk didengar, menarik balik kelulusan yang diberi kepada suatu pertubuhan perbadanan jika—

- (a) pertubuhan perbadanan yang diluluskan gagal memulakan pengendalian dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan;
- (b) Suruhanjaya berpuas hati bahawa pertubuhan perbadanan yang diluluskan terhenti melaksanakan atau tidak berupaya untuk melaksanakan kewajipannya sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian;
- (c) pertubuhan perbadanan yang diluluskan melanggar atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya di bawah subperaturan 4(4);
- (d) pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan;
- (e) suatu hutang penghakiman terhadap pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu tidak dijelaskan sepenuhnya atau sebahagiannya;
- (f) seorang penerima, penerima dan pengurus, atau seorang yang setaraf telah dilantik, berhubungan dengan apa-apa harta pertubuhan perbadanan yang diluluskan;
- (g) pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu telah ditentukan Suruhanjaya sebagai terhenti pengendalian sebagai suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan;
- (h) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberi kepada Suruhanjaya di bawah subperaturan 4(1) dan (2) adalah palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir-butir yang material; atau
- (i) pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu gagal mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Peraturan Peraturan ini.

### **Kewajipan pertubuhan perbadanan yang diluluskan**

8. (1) Suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah telah siap mengadakan suatu mekanisme penyelesaian pertikaian yang menyelesaikan pertikaian atau tuntutan dengan cara yang terbuka, efisien dan berkesan, berdasarkan prinsip adil dan kemunasabahan.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya apa-apa perkara yang boleh menjejaskan atau yang mungkin menjejaskan keupayaannya untuk menjalankan kewajipannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (1).

(3) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, sesuatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah menerima dan menyelesaikan apa-apa pertikaian atau tuntutan terhadap mana-mana orang, selain anggotanya, yang terlibat dalam apa-apa urusan niaga atau transaksi yang melibatkan produk atau perkhidmatan pasaran modal, sebagaimana diarahkan oleh Suruhanjaya, jika Suruhanjaya fikirkan ia adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

### **Kewajipan untuk menyiarkan laporan dan menyenggarakan senarai anggota**

9. (1) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah, dalam tempoh 3 bulan selepas tahun kewangannya berakhir, melaporkan tentang aktivitinya dalam tahun kewangan itu dan menyiarkan laporan itu di laman Internet yang tersedia kepada awam.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), laporan tersebut hendaklah termasuk—

(a) pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada pertubuhan perbadanan yang diluluskan dan award yang diberi;

(b) akaun tahunan teraudit pertubuhan perbadanan yang diluluskan; dan

(c) apa-apa perkara lain sebagaimana diarahkan oleh Suruhanjaya.

(3) Pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu hendaklah menyenggara senarai anggota-anggotanya dan menyiarkan senarai itu di laman Internet yang tersedia kepada awam.

#### **Kaedah-kaedah pertubuhan perbadanan yang diluluskan**

10. Tiada pindaan kepada kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan perbadanan boleh dibuat tanpa kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

#### **Pelantikan pengarah atau ketua pegawai eksekutif pertubuhan perbadanan yang diluluskan**

11. Tiada pelantikan pengarah atau ketua pegawai eksekutif pertubuhan perbadanan yang diluluskan boleh dibuat tanpa kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu.

#### **Kuasa Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan**

12. Suruhanjaya boleh, jika difikirkan perlu atau suai manfaat bagi—

- (a) memastikan mekanisme penyelesaian pertikaian yang dikendalikan oleh suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan adalah terbuka, efisien dan berkesan, berdasarkan prinsip adil dan kemunasabahan;
- (b) kepentingan awam atau perlindungan pelabur;
- (c) pentadbiran berkesan Peraturan-Peraturan ini; atau
- (d) memastikan pematuhan apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan yang diluluskan menurut Peraturan-Peraturan ini,

memberi arahan kepada suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan, sama ada bersifat am atau khusus, dan pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu hendaklah melaksanakan arahan itu.



### **Kegagalan mematuhi award**

13. (1) Seseorang anggota pertubuhan perbadanan yang diluluskan atau orang yang disebut dalam subperaturan 8(3) hendaklah mematuhi apa-apa award yang diberi oleh pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu terhadap anggota atau orang tersebut.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya tentang apa-apa kegagalan seseorang anggota atau orang yang disebut dalam subperaturan 8(3) untuk mematuhi award.

(3) Dalam keadaan jika seseorang anggota suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan gagal untuk mematuhi award yang diberi oleh pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu, pertubuhan perbadanan yang diluluskan itu boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu, memecat atau menggantung keanggotaan anggota itu.

(4) Suatu award wang yang diberi oleh pertubuhan perbadanan yang diluluskan boleh dibawa guaman terhadapnya dan didapatkan sebagai suatu hutang kontrak.

### **Kerjasama dan koordinasi**

14. (1) Bagi maksud menunaikan fungsi dan kewajipannya di bawah Peraturan-Peraturan ini, suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan boleh memasuki apa-apa perkiraan untuk bekerjasama dan berkoordinasi dengan mana-mana badan penyelesaian pertikaian lain dan untuk memperoleh atau berkongsi apa-apa maklumat atau dokumen dengan badan penyelesaian pertikaian itu yang pertubuhan perbadanan yang diluluskan fikirkan perlu bagi maksud penyelesaian pertikaian atau tuntutan.

(2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan hendaklah memberi kerjasama kepada Suruhanjaya dengan memberikan bantuan kepada Suruhanjaya termasuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan pengendalian pertubuhan perbadanan yang diluluskan atau apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya bagi pentadbiran undang-undang sekuriti.

JADUAL 1

[Subperaturan 5(1)]

*Pertubuhan perbadanan yang diluluskan*

1. Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC)

JADUAL 2

[Subperaturan 5(2)]

*Senarai pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal*

Melainkan ditentukan sebaliknya oleh Suruhanjaya, pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berikut hendaklah disifatkan sebagai seorang anggota suatu pertubuhan perbadanan yang diluluskan—

1. Berurus niaga dalam sekuriti
2. Berdagang dalam kontrak niaga hadapan
3. Pengurusan Kumpulan Wang

Dibuat 9 Disember 2010

[RS(A&R)/ADR. 14/10(022)-IC; PN(PU<sup>2</sup>)662/V]

ZARINAH ANWAR

*Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti*

Diluluskan 24 Disember 2010

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1; PN(PU<sup>2</sup>)662/V]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

*Menteri Kewangan Kedua*